



TEKS UCAPAN

**YB DATO SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA**

SEMPENA

MAJLIS PELUNCURAN TUJU *HIGHWAY NAVIGATION*

**26 NOVEMBER 2025 | RABU | 2.00 PETANG
KAWASAN REHAT DAN RAWAT
SEREMBAN (ARAH SELATAN)
LEBUHRAYA UTARA SELATAN**

<<< Saluti akan diberikan oleh Urusetia pada hari berkenaan>>>

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, Salam Segulai Sejalai.

PENDAHULUAN

1. Pertama sekali, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak penganjur atas jemputan untuk bersama-sama dalam majlis peluncuran TuJu Highway Navigation Apps.
2. Inisiatif ini bukan sekadar sebuah aplikasi tetapi ia merupakan simbol transformasi digital lebuhraya Malaysia yang memacu pengalaman perjalanan rakyat ke era baharu yang lebih selamat, pintar dan efisien.

PENGENALAN DAN KERJASAMA PEMBANGUNAN

Hadirin yang saya hormati,

3. Aplikasi TuJu dibangunkan daripada hasil kerjasama strategik yang erat antara Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan Prosignal Consortium Sdn. Bhd. (PCSB) sejak tahun 2022.

4. Inisiatif ini menekankan kepentingan sinergi antara kerajaan dan industri dalam membangunkan sebuah ekosistem pengangkutan pintar yang bukan sahaja efisien, malah mampu meningkatkan pengalaman pengguna lebuhraya secara menyeluruh.
5. Aplikasi ini juga berfungsi sebagai penyampai maklumat perjalanan masa nyata, memberi kawalan dan keyakinan kepada pengguna lebuhraya di seluruh negara.
6. Aplikasi TuJu turut menjadi sub-sektor aplikasi lebuhraya bertol dalam Aplikasi MyJalan, memaparkan integrasi digital kerajaan bagi kemudahan rakyat.

FUNGSI UTAMA DAN NILAI FAEDAH KEPADA PENGGUNA

7. TuJu menyediakan ciri-ciri canggih untuk memastikan perjalanan lebih selamat, selesa dan efisien. Antara kemudahan utamanya ialah navigasi tepat dengan anggaran ketibaan, maklumat tol dan trafik terkini, carian fasiliti R&R yang lengkap, akses CCTV lebuhraya secara langsung, serta bantuan kecemasan segera.

OBJEKTIF DAN IMPAK TUJU

8. TuJu dibangunkan untuk memudahkan perancangan perjalanan, menjadi platform bantuan kecemasan yang pantas, serta meningkatkan kecekapan operasi konsesi lebuhraya. Melalui objektif

ini, TuJu berfungsi sebagai inisiatif pintar yang menggabungkan teknologi dan keselamatan bagi memastikan pengalaman perjalanan yang lebih mudah, cepat dan selamat.

INTEGRASI DAN MASA DEPAN MOBILITI PINTAR

9. TuJu kini diintegrasikan dengan MyJalan bagi membolehkan pertukaran maklumat dan aduan secara terus, sekali gus membentuk rangka kerja lebuhraya pintar yang lebih responsif. Integrasi ini turut membolehkan analitik data masa nyata dilaksanakan, membantu pihak pengurusan mengenal pasti corak trafik, lokasi berisiko serta merangka langkah mitigasi dengan lebih tepat dan cepat.
10. Dalam jangka panjang, usaha ini menyokong pembangunan Smart Mobility Hub negara selaras dengan ITS Roadmap 2030, sekali gus memperkukuh aspirasi Malaysia ke arah negara berteknologi tinggi dan berdaya saing. Inisiatif TuJu membuktikan komitmen kerajaan dan industri dalam memastikan lebuhraya tempatan terus selesa, selamat dan seiring transformasi digital global.
11. Sebelum mengakhiri ucapan, adalah menjadi harapan saya agar TuJu dapat menjadi aplikasi rujukan utama rakyat dengan

menyediakan maklumat perjalanan yang tepat, cepat dan boleh dipercayai dengan menggabungkan teknologi dan inovasi. Ini sekaligus menyokong pengurangan kesesakan dan penggunaan bahan api, selaras dengan usaha negara ke arah pembangunan mampan selain selari dengan aspirasi Malaysia sebagai negara maju berteraskan inovasi.

12. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan aplikasi ini. Diharapkan TuJu akan dapat menjadi pemangkin inovasi, memacu transformasi digital dan memperkukuh ekosistem lebuhraya negara demi kesejahteraan rakyat dan kemajuan Malaysia.

Sekian, terima kasih.